

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 March 2026 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mac 2026 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Urus aims to maximise medium-to-long term returns by investing in Shariah-compliant equities, sukuk and Islamic money market instruments through Takafulink funds and Islamic collective investment schemes (CIS).

Takafulink Dana Urus bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka masa sederhana ke panjang dengan melabur dalam ekuiti patuh Syariah, sukuk dan instrumen pasaran wang Islam melalui dana-dana Takafulink dan skim-skim pelaburan kolektif Islam (CIS).

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan Prudential BSN Takaful Berhad

Inception Date / Tarikh Diterbitkan 01/12/2006

Current Fund Size / Saiz Dana Terkini RM722,662,927.51


Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan 1.30% per annum

Current NAV / NAB Terkini RM2.49035

How the Fund has performed / Prestasi Dana

Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana


Takafulink Dana Urus Vs. 80% FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah Index (FBMS) + 20% Maybank 12-month Islamic Fixed Deposit-i rate



Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	-1.44%	-1.02%	-0.18%	6.50%	16.16%	7.21%	149.04%
Benchmark / Penanda Aras	-0.62%	0.25%	0.90%	7.65%	12.34%	-1.78%	71.32%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	-0.82%	-1.27%	-1.08%	-1.15%	3.82%	8.99%	77.72%

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset

	% NAV
1 Takafulink Dana Ekuiti	63.77
2 Takafulink Dana Sukuk	20.82
3 United-i Malaysia Equity Fund	11.33
4 United-i Malaysia Discovery Fund	4.02
5 Cash, Deposits & Others	0.06

Takafulink Dana Ekuiti Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Tenaga Nasional Berhad	9.59
2 Press Metal Aluminium Holdings Berhad	7.14
3 IHH Healthcare Berhad	6.35
4 SD Guthrie Berhad	6.04
5 Telekom Malaysia Berhad	5.94
6 PETRONAS Gas Berhad	4.69
7 Gamuda Berhad	4.68
8 PETRONAS Chemicals Group Berhad	3.51
9 Malayan Cement Berhad	2.81
10 KPJ Healthcare Berhad	2.72

Takafulink Dana Sukuk Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Infracap Resources Sdn Bhd	2.86
2 Sarawak Energy Berhad	2.58
3 DanaInfra Nasional Berhad*	2.28
4 AEON Credit Service (M) Sdn Bhd	2.07
5 S P Setia Berhad	1.96
6 Gamuda Berhad	1.78
7 DanaInfra Nasional Berhad*	1.75
8 Edra Energy Sdn Bhd	1.58
9 PONS Capital Berhad	1.57
10 Eco World Perpetual Capital Berhad	1.54

* Different coupon rates & maturity dates for each.

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 March 2026 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mac 2026 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Equity Market Review

Malaysian equities continued to correct in March due to the US-Iran conflict which started on 28 February 2026 and is entering its sixth week. In retaliation to US and Israel's attack, Iran has effectively closed the Straits of Hormuz allowing only certain vessels to pass, impacting global oil and gas supply, as approximately 20% of global supply comes through the Straits of Hormuz. In Malaysia, unsubsidized fuel at the pump has been feeling the brunt of the US-Iran conflict, as unsubsidized RON95 price has increased by 52% to RM3.87/litre, whilst diesel at the pump which is unsubsidized is priced at RM6.02/litre up 101% versus before the conflict. In addition, the government has reduced the monthly subsidized petrol quota under the BUDI95 scheme from 300 litres to 200 litres beginning April 2026. During the month, Sunway Healthcare IPO was listed on Bursa Malaysia and was immediately added to the FBMKLCI Index. The FBM EMAS Shariah Index closed the month at 12,217.56, down 0.82% MoM. The FBM Small Cap Shariah Index was down 7.22% for the month and underperformed the FBM EMAS Shariah Index.

Market Outlook

The US-Iran conflict could escalate over the next week as US President Trump threatens to bomb power infrastructure and bridges if Iran does not concede to the US President's demands. Putting boots on the ground would be a serious escalation and could potentially prolong the conflict and put at risk more oil and gas facilities in the Middle East region, as Iran retaliates, looking to strike the US where it hurts the most via oil and gas prices. Domestically, the Malaysian government has started to take pre-emptive measures to address the oil and gas supply shocks. Policy measures such as BUDI95 enable Malaysians to get access to subsidized petrol and allow certain civil servants and GLCs to work from home in an effort to reduce petrol consumption. However, diesel price at the pump is unsubsidized and is already double in price from five weeks ago. This will have a large impact on any sector that relies on heavy machinery and does not have allowance for subsidized diesel, which could potentially have secondary inflationary effects the longer the war prolongs. Consumer spending will also be kept in check as it bites into household disposable income, and civil servants working from home would be negative for small businesses and reduce consumption and economic activities. Nevertheless, Malaysia should be relatively in a better position than our peers, as a nation that is a net exporter of oil and gas. The negative impact of higher oil prices, though, could result in higher subsidies the government will need to bear. BNM's latest Annual Report GDP growth forecast for 2026 widened to 4-5.0% and cites resilient domestic consumption, but mindful of the external headwinds. We remain cautiously optimistic on the outlook for equities in 2026. Any market weakness is an opportunity to accumulate fundamentally strong stocks at attractive valuations.

Fixed Income Market Review

Bank Negara Malaysia (BNM) kept the Overnight Policy Rate (OPR) at 2.75% at its March Monetary Policy Committee (MPC) meeting. BNM maintained its view of steady global and domestic growth, with moderate inflation in Malaysia, but flagged higher downside risks from the Middle East conflict and renewed uncertainty over US tariffs. Still, it stressed that Malaysia is facing these external headwinds from a position of macroeconomic strength, and that the current OPR remains appropriate and supportive of the economy. Export growth moderated to +10.8% YoY in February (January: +19.6% YoY), with the slowdown seen across most segments. Although E&E exports remained in double-digit growth, momentum eased from January, while non-E&E manufacturing turned negative and agriculture contracted further due to weaker CPO prices. While the Chinese New Year holidays may have played a part, the broad weakness across products such as petroleum, chemicals, and rubber suggests the slowdown may not be purely seasonal and should be watched closely. Looking ahead, the ongoing Middle East conflict adds fresh uncertainty to the trade outlook. Malaysia's labour market stayed firm in January 2026, with unemployment holding at 2.9% as employment continued to outpace labour force growth and job gains remained broad-based. Supported by civil service pay hikes, steady private wage growth, bonuses and cash aid, labour income and private consumption should remain resilient in 2026, although downside risks from the Middle East conflict warrant monitoring. Headline inflation eased to +1.4% YoY in February (January: +1.6%), coming in below consensus expectations of 1.6%. Core inflation also moderated to +2.0% YoY from +2.3%. The softer inflation print was mainly driven by food and insurance & financial services, reflecting a sharper decline in vegetable prices and favourable base effects from transport insurance. Elsewhere, transport and housing-related utilities were broadly steady, while miscellaneous goods and services continued to rise, supported by higher gold prices. Malaysia's manufacturing PMI rose to 50.7 in March 2026 from 49.3 in February, its highest since April 2022, supported by better demand and new tender wins. However, new orders eased for a second month, export demand weakened, and firms cut purchasing activity for the first time in nine months. Meanwhile, input costs rose to their highest since October 2024 due to higher transport, energy, and material costs linked to the Middle East conflict. Output price inflation hit a 45-month high, while business confidence for the year ahead fell to a seven-month low.

Market Outlook

As widely expected, OPR was maintained at 2.75% in March with a statement broadly neutral in tone while acknowledging the heightened external uncertainties and risks to the global outlook. The recent geopolitical tensions in the Middle East have triggered a risk off sentiment with investors pricing in potential energy supply disruption, higher energy inflation and slower global growth. Rising global oil prices will result in greater government spending on fuel subsidies though the government has set RM1.99 per litre for the first 200 litres. Meanwhile, Prime Minister said the government would strive to maintain the RON95 petrol price under BUDI95 despite global market uncertainties following the escalation of the Middle East conflict. According to Maybank, BNM's relatively resilient outlook on the Malaysian economy is premised on the assumptions of slower global growth (+2.7 – 3.2%), the Middle East conflict lasting not more than two months and crude oil prices averaging between USD\$70 – 90/bbl. Government sukuk supply in 2026 is expected to remain elevated but manageable, with gross MGS/MGII issuance of about RM183 billion, a front-loaded 1H profile, and a greater skew toward short- to mid-tenor auctions, while issuance flexibility (including short-term bills) is likely to be used to support long-duration yields and manage curve volatility. The net supply of government securities is expected to be heavy in the coming months with an estimated RM41.6 billion coming on in the second quarter of 2026 – with heavy duration pipeline. The MGS yield curve bear flattened in March with the short to the bellies rising by +14 – 15bps, while the longer tenors moved up by +7 – 15bps. This was driven by the recent developments in the Middle East – which has caused global sukuk markets to price in potentially more hawkish central bank actions with rising inflation concerns. Credit spreads tightened across rating bands and tenors during the month. Broadly, this was driven by higher MGS yields, with the tightening most apparent within the single-A segment, followed by the AA segment. We expect spreads to widen in the coming months, as the secondary market adjusts from the heavier pipeline in primary issuances with higher spreads.

Fund Review and Strategy

The Fund returned -1.44% for the month, underperforming the benchmark return of -0.62% by 0.82%. Year-to-date, The Fund returned -1.02%, underperforming the benchmark return of 0.25% by 1.27%. The underperformance in March was mainly due to the underperformance in the equity portion against its benchmark.

Ekuiti Tinjauan Bulanan

Ekuiti Malaysia terus mengalami pembedahan pada bulan Mac disebabkan oleh konflik AS-Iran yang bermula pada 28 Februari 2026, dan memasuki minggu keenam. Iran bertindak balas terhadap serangan AS dan Israel dengan menutup Selat Hormuz dan hanya membenarkan kapal-kapal tertentu

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 March 2026 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mac 2026 melainkan jika dinyatakan

sahaja melaluinya lantas memberi kesan kepada bekalan minyak dan gas global, kerana kira-kira 20% daripada bekalan global belayar melalui selat tersebut. Di Malaysia, bahan api tanpa subsidi di stesen minyak telah terjejas teruk akibat konflik AS-Iran, kerana harga RON95 tanpa subsidi telah meningkat sebanyak 52% kepada RM3.87/liter, manakala diesel di stesen minyak yang tanpa subsidi berharga RM6.02/liter, naik 101% berbanding sebelum konflik. Di samping itu, kerajaan telah mengurangkan kuota petrol bersubsidi bulanan di bawah skim BUDI95 daripada 300 liter kepada 200 liter mulai April 2026. Pada bulan ini, IPO Sunway Healthcare disenaraikan di Bursa Malaysia, lalu serta-merta tersenarai ke dalam Indeks FBMKLCI. Indeks FBM EMAS Syariah menutup bulan tinjauan pada 12,217.56, turun 0.82% bulan ke bulan (MoM). Indeks FBM Small Cap Syariah susut 7.22% pada bulan ini, tidak mengatasi Indeks FBM EMAS Syariah.

Gambaran Bulanan

Konflik AS-Iran mungkin memuncak pada minggu hadapan apabila Presiden AS, Trump, mengancam untuk mengebom infrastruktur tenaga dan jambatan jika Iran tidak akur dengan tuntutan Presiden AS. Keberadaan pasukan ketenteraan di zon konflik adalah sesuatu yang serius dan berpotensi memanjangkan konflik lalu membahayakan lebih banyak kemudahan minyak dan gas di rantau Timur Tengah, apabila Iran bertindak balas dengan menyasarkan punca yang memberi kesan paling ketara kepada AS melalui harga minyak dan gas. Di dalam negeri, kerajaan Malaysia memulakan langkah pencegahan untuk menangani kejutan bekalan minyak dan gas. Langkah-langkah dasar seperti BUDI95 membolehkan rakyat Malaysia mendapat akses kepada petrol bersubsidi dan membenarkan penjawat awam dan GLC tertentu bekerja dari rumah dalam usaha untuk mengurangkan penggunaan petrol. Namun begitu, harga diesel di stesen minyak tidak disubsidi dan naik dua kali ganda berbanding lima minggu lalu. Ia akan memberi impak yang besar kepada mana-mana sektor yang bergantung kepada jentera berat dan tiada elaun untuk diesel bersubsidi, lantas berpotensi untuk menerima kesan inflasi sekunder jika perang berlarutan lebih lama. Perbelanjaan pengguna juga akan dikawal kerana ia menjejaskan pendapatan boleh guna isi rumah, dan penjawat awam yang bekerja dari rumah akan memberi kesan negatif kepada perniagaan kecil lantaran berkurangnya penggunaan dan aktiviti ekonomi. Walau bagaimanapun, Malaysia patut berada dalam kedudukan yang lebih baik berbanding rakan serantau kerana ia sebuah negara yang merupakan pengeksport bersih minyak dan gas. Namun begitu, kesan negatif ekoran harga minyak yang lebih tinggi boleh mengakibatkan subsidi yang lebih tinggi perlu ditanggung oleh kerajaan. Laporan Tahunan terkini BNM meramalkan pertumbuhan KDNK bagi tahun 2026 melebar kepada 4-5.0% dan memetik penggunaan domestik yang mampan, namun maklum tentang halangan luaran. Kami kekal optimistik sambil berhati-hati terhadap prospek ekuiti pada tahun 2026. Apa-apa kelemahan pasaran merupakan peluang untuk mengumpul saham berasas kukuh pada penilaian yang menarik.

Pendapatan Tetap Tinjauan Bulanan

Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 2.75% dalam mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Mac. BNM mengekalkan pandangannya tentang pertumbuhan global dan domestik yang stabil, dengan kesederhanaan inflasi di Malaysia, tetapi mengisytiharkan risiko penurunan yang lebih besar berikutan konflik Timur Tengah dan ketidakpastian baharu mengenai tarif AS. Namun, ia menekankan bahawa Malaysia mendepani rintangan luaran ini dari kedudukan kekuatan makroekonomi, dan OPR semasa kekal munasabah dan menyokong ekonomi. Pertumbuhan eksport menyederhana kepada +10.8% tahun ke tahun ke YoY pada Februari (Januari: +19.6% YoY), dengan kelembapan terlihat di seluruh segmen. Meskipun eksport E&E kekal dengan pertumbuhan dua digit, namun momentum memperlambat berbanding Januari, manakala pembuatan bukan E&E bertukar negatif manakala pertanian menguncup susulan harga CPO yang lebih lemah. Cuti Tahun Baru Cina mungkin memainkan peranan, tetapi kelemahan meluas melibatkan kesemua produk seperti petroleum, bahan kimia dan getah menunjukkan kelembapan yang mungkin bukan bersifat bermusim semata-mata dan wajar diteliti. Melihat ke hadapan, konflik Timur Tengah yang berterusan menambah satu lagi ketidakpastian kepada prospek perdagangan. Pasaran tenaga kerja Malaysia terus mantap pada Januari 2026, dengan kadar pengangguran kekal pada 2.9% memandangkan pekerjaan terus mengatasi pertumbuhan tenaga kerja dan perolehan pekerjaan masih meluas. Disokong oleh kenaikan gaji perkhidmatan awam, pertumbuhan gaji swasta yang stabil, bonus dan bantuan tunai, pendapatan tenaga kerja dan penggunaan swasta dijangka kekal berdaya tahan pada 2026, walaupun risiko penurunan daripada konflik Timur Tengah memerlukan pemantauan. Inflasi keseluruhan menyusut kepada +1.4% YoY pada Februari (Januari: +1.6%), dengan perbezaan 1.6% di bawah jangkaan konsensus. Inflasi teras juga menyederhana kepada +2.0% YoY daripada +2.3%. Inflasi yang lebih lembut didorong terutamanya oleh makanan dan insurans & perkhidmatan kewangan, mencerminkan penurunan harga sayur-sayuran yang lebih ketara dan kesan asas yang menggalakkan daripada insurans pengangkutan. Di tempat lain, utiliti berkaitan pengangkutan dan perumahan secara amnya stabil, manakala pelbagai barangan dan perkhidmatan terus meningkat, disokong oleh harga emas yang lebih tinggi. PMI pembuatan Malaysia meningkat kepada 50.7 pada Mac 2026 daripada 49.3 pada Februari, paras tertinggi sejak April 2022, disokong oleh permintaan yang lebih baik dan kemenangan mendapat tender baharu. Walau bagaimanapun, pesanan baharu berkurangan pada bulan kedua, permintaan eksport menjadi lemah, dan firma mengurangkan aktiviti pembelian buat kali pertama dalam tempoh sembilan bulan. Sementara itu, kos input meningkat kepada paras tertinggi sejak Oktober 2024 disebabkan oleh kos pengangkutan, tenaga dan bahan yang lebih tinggi terkait dengan konflik Timur Tengah. Inflasi harga output mencecah paras tertinggi dalam tempoh 45 bulan, manakala keyakinan perniagaan untuk tahun hadapan jatuh ke paras terendah dalam tempoh tujuh bulan.

Gambaran Bulanan

Seperti yang diduga, OPR dikekalkan pada 2.75% pada Mac dengan kenyataan bernada agak neutral sambil mengakui ketidakpastian luaran yang semakin meningkat dan risiko terhadap prospek global. Ketegangan geopolitik di Timur Tengah baru-baru ini telah memicu sentimen risiko dengan pelabur menatapbargakan potensi gangguan bekalan tenaga, inflasi tenaga yang lebih tinggi dan pertumbuhan global yang lebih perlahan. Kenaikan harga minyak global akan mengakibatkan perbelanjaan kerajaan dalam subsidi bahan api yang lebih besar meskipun kerajaan telah menetapkan RM1.99 seliter ke atas 200 liter pertama. Sementara itu, Perdana Menteri berkata bahawa kerajaan akan berusaha untuk mengekalkan harga petrol RON95 di bawah BUDI95 meskipun terdapat ketidakpastian pasaran global berikutan peningkatan konflik Timur Tengah. Menurut Maybank, tinjauan BNM terhadap ekonomi Malaysia yang secara relatifnya mampan berdasarkan andaian pertumbuhan global yang lebih perlahan (+2.7 – 3.2%), konflik Timur Tengah yang tidak melebihi dua bulan dan purata harga minyak mentah antara USD70 – 90 setong. Penawaran sukuk kerajaan pada tahun 2026 dijangka kekal tinggi tetapi boleh diurus, dengan terbitan kasar MGS/MGII kira-kira RM183 bilion, sebuah profil 1H dengan kos pendahuluan, dan lebih cenderung kepada lelongan jangka pendek hingga sederhana, manakala fleksibiliti terbitan (termasuk bil jangka pendek) mungkin akan digunakan untuk menyokong hasil jangka panjang sambil mengurus keluk volatiliti. Bekalan bersih sekuriti kerajaan dijangka tinggi dalam beberapa bulan akan datang dengan anggaran RM41.6 bilion pada suku kedua 2026 – dengan persiapan durasi yang panjang. Keluk hasil MGS melandai pada Mac dengan keluk jangka pendek meningkat +14 – 15 mata asas, manakala jangka panjang meningkat +7 – 15 mata asas. Peningkatan ini didorong oleh perkembangan terkini di Timur Tengah – yang telah menyebabkan pasaran sukuk global menatapbargakan tindakan bank pusat yang mungkin lebih agresif seiring kebimbangan inflasi yang semakin meningkat. Tebaran kredit menyempit di seluruh jalur penarafan dan tempoh pada bulan ini. Secara amnya, penyempitan ini didorong oleh hasil MGS yang lebih tinggi, dengan pengetatan paling ketara dalam segmen A, diikuti oleh segmen AA. Kami menjangkakan tebaran akan melebar dalam beberapa bulan akan datang, memandangkan pasaran sekunder membuat penyesuaian kepada terbitan utama yang lebih banyak dengan tebaran yang lebih tinggi.

Tinjauan dan Strategi Dana

Dana mencatat pulangan -1.44% pada bulan ini, tidak mengatasi pulangan penanda aras -0.62% dengan perbezaan 0.82%. Sejak awal tahun sehingga bulan tinjauan, Dana mencatat pulangan -1.02%, tidak mengatasi pulangan penanda aras 0.25% dengan perbezaan 1.27%. Prestasi yang lebih rendah pada bulan Mac adalah terutamanya disebabkan oleh prestasi bahagian ekuiti yang ketinggalan berbanding penanda arasnya.

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 March 2026 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mac 2026 melainkan jika dinyatakan

Asset Management (Malaysia) Berhad

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL